



Berita PESUTM

Berita Persatuan Pesara Universiti Teknologi Malaysia

Berita ini dinamakan "Berita PESUTM". Penamaan nama ini selari dengan hasrat berita ini menjadi wadah penyampaian maklumat kepada ahli berhubung aktiviti yang dilakukan PESUTM. **Berita PESUTM** ini diterbitkan secara tetap, iaitu keperluan penerbitannya disandarkan betapa pentingnya sesebuah program yang dianjurkan itu perlu diuar-uarkan kepada ahli. Oleh sebab itu, kaedah penomboran bilangan dicatatkan secara berturutan dalam bulan /tahun. Selain itu, terbitan **Berita PESUTM** ini hanya dalam bentuk digital.



Rumah P. Ramlee merupakan sebuah muzium yang terletak di Jalan P. Ramlee (dahulunya dikenali Counterhall Road) di Pulau Pinang, Malaysia. Bangunan ini merupakan rumah kayu bagi memperingati seniman tanah air yang terkenal iaitu P. Ramlee, penyanyi, pelakon, penggubah dan juga pengarah.

Asalnya ia dibina pada tahun 1926 oleh bapanya dan bapa saudaranya Rejab Bin Husin, rumah ini telah beberapa kali dibina semula sebelum diambil alih sepenuhnya oleh Arkib Negara sebagai sambungan projek Memorial P. Ramlee di Kuala Lumpur.

AHLI JAWATANKUASA & BIRO PESUTM 2023-2025

YANG DIPERTUA

Prof. Emeritus Dato' Dr. Ahmad Darus (012-722 7429)

TIMBALAN YANG DIPERTUA

Tuan Haji Salleh Mohamad (016-733 2345)

SETIAUSAHA

Saudara Roslan Abd Ghani (019-712 4394)

PENOLONG SETIAUSAHA

Haji Ansar Sidek (019-656 5205)

BENDAHARI

Haji Jamaludin Harun (019-778 2613)

PENOLONG BENDAHARI

Dr. Hafizah Harun (017-682 4772)

BIRO SERANTA

Haji Khalid Mazlan (019-734 8735) | Ketua

Haji Bakri Mohd Dahlan (017-790 4489)

Cik Siti Zaiton Borham

BIRO EKONOMI

Puan Kasuma Masjuriah B. Basar (019-713 1743) | Ketua

Prof. Emeritus Dr. Ahmad Kamal Idris (019-728 8000)

En. Muhamad Saad Sulaiman

Puan Faridah Hussein

En. Abdul Hadi Othman

En. Othman Adon

BIRO KEBAJIKAN & SOSIAL

Haji Dahari Derani (019-731 0674) | Ketua

Haji Zainal Abidin Hassan (019-756 5751)

Puan Abrizah Abd. Rahim (017-700 1600)

Puan Ramlah Husin (019-780 0244)

En. Abdul Wahab Laberahimah

En. Razali Jantan

BIRO KHIDMAT PROFESIONAL

Haji Ismaul Samat (012-707 8574) | Ketua

Haji Zainul Rashid Abu Bakar (013-773 6563)

Haji Md Noh Main

En. Mohd Sofian Mohd Amran

Haji Abdul Razib Haji Shahuddin

SKUDAI | 4 November 2023

CORETAN PROGRAM “PESARA LIBUR UTARA”

Persatuan Pesara UTM sekali lagi berupaya merealisasikan peranannya dengan berjaya menganjurkan program melancang di dua buah negeri utara Malaysia. Dua buah negeri utara dimaksudkan ialah Pulau Pinang yang juga dikenali “Mutiara Timur” atau syurga bagi pencinta makanan dengan varieti masakan istimewa, dan negeri Perlis yang sinonim dengan nama “Palit”, “Kayang” atau formalnya dipanggil “Indera Kayangan.” Program yang dinamakan “Pesara Libur Utara” berlangsung selama 2 hari 3 malam, iaitu pada 2 November 2023 – 4 November 2023 yang disertai 40 pesara.

Seperti dijadualkan pada 2 November 2023 kami peserta Libur Utara telah berkumpul di UTM seawal jam 8.30 malam. Jam 9.20 malam bas UTM dengan muatan 40 penumpang ini bergerak keluar dari UTM dengan satu tujuan iaitu berlibur ke utara. Selaku ketua Libur Utara, En Roslan Abdul Ghani dengan dibantu Hj Bakri Dahalan dan Hj Jamaluddin Harun memberi taklimat ringkas bagi panduan kepada peserta agar program Libur Utara mampu diuruskan dengan baik dan berjalan lancar.

Setelah dua jam perjalanan, bas berhenti di R & R Ayer Keroh, sebahagian besar daripada kami bergegas turun melampiaskan hajat masing-masing dalam rangkulang dingin malam yang mencengkam. Bas meneruskan perjalanan, awalnya rata-rata kami gembira bercerita dengan sekali-sekali iringan gelak-tawa memecah sunyi ruangan bas, meskipun demikian akhirnya ruang penumpang bas kian sepi rupa-rupanya rata-rata kami lena dilamun mimpi indah – kini telah tiba di R & R Tapah, Perak. Bas meneruskan perjalanan dengan pemandu ganti mengambil tugas menuju destinasi R & R Semanggol, Perak.



Pada 3 November kami mengurus diri; mandi, solat subuh berjemaah dan bersarapan pagi. Jam 7.30 pagi bas bergerak menuju Pulau Pinang melalui jambatan kedua dan terus ke destinasi pertama program iaitu Terminal Bukit Bendera.

Tergambar jelas wajah dan gelagat rata-rata kami tidak sabar untuk menaiki kereta api funikular menuju puncak Bukit Bendera sambil menikmati panorama luas mata memandang Bandaraya George Town yang Indah dan memukau. Bahkan pihak pengurusan Bukit Bendera menyediakan ‘buggy’ yang boleh membawa 5 penumpang dengan kadar tambang RM30.00 untuk membolehkan para pelancong melihat pemandangan dalam rentas perspektif lebih terangkum sekitar kawasan puncak bukit.

Ketika kereta api funikular melunsur naik, kami diberi penerangan ringkas tentang sejarah Bukit Bendera yang telah wujud puluhan tahun, iaitu sejak zaman British lagi. Kelihatan beberapa rumah banglo hasil peninggalan orang British. Selain itu, terdapat peninggalan sejarah antaranya meriam, dan bangunan yang masih terpelihara sekalipun ratusan tahun usianya. Bagi mereka yang mempunyai minat meneroka alam semula jadi disediakan laluan pejalan kaki di dalam hutan simpan di puncak bukit. Menuruni puncak berketinggian 721 meter dari paras laut sesuatu yang sangat menguja diri, kagum dengan keindahan dan sukar dilupakan. Singkatnya itulah perasan yang dapat digambarkan bagi mereka yang telah sampai di puncak Bukit Bendera.





Lawatan seterusnya jam 11.00 pagi ke tempat bersejarah iaitu rumah kelahiran seniman Agong P. Ramlee. Sekalipun kehadiran kami lewat iaitu waktu makan tengah hari petugas, namun atas ihsan kami dibenar masuk dan sempat bergambar sekitar di bahagian luar rumah. Seperti kita sedia maklum, Seniman Agong, P. Ramlee sehingga hari ini filem-filem arahannya tidak jemu-jemu ditonton pelbagai peringkat generasi; dari kanak-kanak hingga warga emas. Kerana itu seniman lagenda ini sukar dicari ganti.

Program seterusnya mengunjungi Pasar Chowrasta yang popular dengan pelbagai jenis jeruk segar, cenderahati dan kraftangan yang menarik. Bahkan pasar ini terkenal bagi pencinta buku yang meminati buku-buku sastera karya Sasterawan Negara. Semua yang datang, pastinya masing-masing sudah mengetahui apa yang perlu dibeli sebagai buah tangan mereka untuk di bawa balik. Pendek kata jika sudah berada di sini tak sah jika tidak membeli.



Destinasi kami masih jauh kini menuju ke utara, dalam perjalanan kami singgah di R & R Gurun, di sini kami membasha tekak dan menjamu selera makan tengah hari dan menunaikan solat.

Masa ketika ini lewat petang, justeru kami perlu meneruskan perjalanan ke hotel Seri Garden, Arau. Setelah mendaftar masuk dan mengurus diri seadanya dan mengerjakan solat kami dibawa bagi menikmati juadah nasi kandar di Restauran Yasmeen Nasi Kandar, Arau. Selepas menikmati makan malam kami balik ke bilik hotel istirehat kerana kepenatan berjalan sehari, mentelahan esok masih ada program yang perlu dilakukan. Waktu subuh kendengaran jelas bacaan al-Quran berkumandang yang datang dari arah sebuah masjid yang berdekatan dengan tempat kami menginap, kami ikut solat berjemaah di Masjid Alwi, Kangar, Perlis.

Selepas selesai bersarapan pagi dan check out serta sesi bergambar berkumpulan kami terus bergerak ke Perlis Vineyard. Jam 10.15 pagi 4 November sebaik sampai di Perlis Vineyard, suasana tenang, terdapat tasik buatan di pintu masuk ke ladang Anggur itu.

Kehadiran kami benar-benar mengecewakan kerana musim anggur sudah berlalu, namun terubat juga sebab kami berpeluang meninjau persekitaran ladang itu dengan menaiki kereta api mini yang tambangnya RM3.00 seorang. Sebelum meninggalkan ladang anggur kami sempat bergambar dan mengambil video sebagai tanda kenangan.

Kami bergerak ke Padang Besar jam 11.20 pagi, destinasi ini adalah ufuk destinasi kami mendapatkan pelbagai barang keperluan yang diidamkan sejak hasrat mengikuti program Libur Utara. Di sini kami menghabiskan masa sekitar 3 jam untuk membeli pelbagai barang, mendirikan solat dan makan tengah hari.

Kembali ke bas, kehadiran penjaja jalanan naik dengan pelbagai jualan merayu agar mendapat simpati dari kami yang sudah berada di kerusi masing-masing. Begitulah senarionya ada yang bersimpati, namun banyak juga yang menolak secara baik.

Bergerak pulang ke Johor jam 3.00 petang. Bas berhenti rehat untuk minum petang di R & R Sungai Juru. Kira-kira sejam dalam perjalanan ada kalangan kami teruja menguji bakat terpendam dengan berkaraoke menyumbang beberapa lagu klasik dan lagu berentak baru sebagai hiburan dalam bas. Alhamdulillah jam 4.40 pagi selamat tiba Di UTM, Skudai.

Satu memori yang sukar dilupakan semoga ukhuwah terus tersemai. Seperti biasa peluk cium semua sebagai tanda mesra kasih,



SELAMAT DATANG / WELCOME
TO PADANG BESAR MALAYSIA

KEMENTERIAN SELANGLONGAN MALAYSIA
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR PERLIS



